

**PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN 2015
(SEHINGGA 31 MEI 2015)**

Kami beriltizam untuk memberi perkhidmatan berkualiti seperti berikut :

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2015 (SEHINGGA 31 MEI 2015)	PERATUSAN PENCAPAIAN
1	Mengemukakan keputusan permohonan dan cadangan projek yang lengkap dalam masa 3 bulan.	Sehingga 31 MEI 2015, sebanyak 3 permohonan dan cadangan projek diterima dan dikemukakan keputusan dalam masa 3 bulan	100%
2	Memberi input serta pandangan dari sudut sosio ekonomi yang diperlukan oleh jabatan/ agensi lain dalam masa 14 hari bekerja	Sehingga 31 MEI 2015, sebanyak 5 input serta pandangan dari sudut sosio ekonomi diberi dalam tempoh 14 hari bekerja	100%
3	Mengendalikan majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri dengan teliti dan berkesan mengikut peraturan dan atur cara yang ditetapkan.	Sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 52 majlis-majlis rasmi Kerajaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan atur cara yang ditetapkan. Sebanyak 3 surat penghargaan telah diterima daripada pelanggan.	100%
4	Semua baucar pembayaran yang teratur akan dibayar dalam tempoh 10 hari daripada tarikh penerimaan invois yang lengkap.	Sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 13,923 baucar telah dikeluarkan dan dibuat bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan.	100%
5	Semua permohonan pinjaman pendidikan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang lengkap akan diproses dan diputuskan dalam tempoh lima (5) bulan selepas tarikh tutup	Sehingga 31 Mei 2015, seramai 466 orang pelajar telah menerima Pinjaman Pengajian Tinggi Perak bagi sesi 2015/2016. Majlis Penyerahan cek (bagi peringkat Diploma telah	80%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2015 (SEHINGGA 31 MEI 2015)	PERATUSAN PENCAPAIAN
	permohonan.	diadakan pada 28 Mei 2015 manakala bagi peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan PHD akan diadakan pada bulan Ogos 2015.	
6	Memastikan Mesyuarat Dewan Negeri diadakan tiga (3) kali setahun	Jangkaan - 1 kali Mesyuarat Pencapaian - 1 kali Mesyuarat	100 %
7	Memastikan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) diadakan sebanyak tiga puluh enam (36) kali setahun.	Mesyuarat MMK Jangkaan - 15 kali Mesyuarat MMK diadakan - 17 kali Bilangan Kertas Mesyuarat - 905 kertas	113 % (100 %)
8	Memproses dan mengemukakan permohonan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan pelanjutan tempoh percubaan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja.	Sehingga 31 Mei 2015 , sebanyak 164 permohonan urusan perkhidmatan telah dilaksanakan dalam tempoh 15 hari bekerja dengan pecahan seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Dalam Perkhidmatan : 122 permohonan • Pemberian Taraf Berpencen : 27 permohonan • Pelanjutan Tempoh Percubaan : 15 	100%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2015 (SEHINGGA 31 MEI 2015)	PERATUSAN PENCAPAIAN
		permohonan	
9	Memproses kelulusan keluar negara bagi kumpulan sokongan pelaksana gred 40 ke bawah, bagi permohonan yang lengkap dalam masa 7 hari bekerja.	Sehingga 31 Mei 2015 , sebanyak 511 permohonan keluar negara telah diproses dalam tempoh 7 hari bekerja setelah menerima permohonan yang lengkap sehingga mendapat kelulusan daripada YB SUK/TSUK(Pengurusan) atau SUB BPSM.	100%
10	Mendaftar permohonan pembelian rumah kos rendah melalui Sistem Pendaftaran Terbuka dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.	Sebanyak 644 permohonan telah berjaya didaftarkan dalam tempoh 7 hari bekerja.	100 %
11	Memaklumkan keputusan temu duga penyewaan perumahan rakyat dalam tempoh 14 hari bekerja.	Sebanyak 361 pemohon telah dimaklumkan keputusan temu duga penyewaan perumahan rakyat dalam tempoh 14 hari bekerja	100 %
12	Menyelesaikan aduan kerosakan bagi Program Perumahan Rakyat Disewa dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja daripada tarikh pertemuan dengan pengadu.	Sebanyak 312 aduan kerosakan telah dapat diselesaikan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja.	100 %
13	Memproses tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Kerajaan Negeri dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima dokumen lengkap daripada 17 PBT. (Termasuk DBKL dan MPPP).	Sehingga 31 Mei 2015, 15 daripada 16 PBT (tidak termasuk MPPP) telah mengemukakan tuntutan dan bayaran telah dibuat dalam tempoh piagam.	100%

Bil	Janji	PENCAPAIAN 2015 (SEHINGGA 31 MEI 2015)	PERATUSAN PENCAPAIAN
14	Mengagihkan peruntukan projek-projek pembangunan kepada pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dalam masa tiga (3) hari dari tarikh penerimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.	Peruntukan Negeri untuk 15 PBT Perak sebanyak RM3.17 Juta telah diagihkan dalam masa tiga (3) hari dari tarikh penerimaan peruntukan. Peruntukan Persekutuan sehingga 31 Mei 2015 sebanyak 13.34 juta telah diterima dan diagihkan kepada PBT dalam masa tiga (3) hari dari tarikh penerimaan peruntukan.	100%
15	Memanjangkan aduan yang diterima daripada pengadu ke jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	Sehingga 31 Mei 2015 sejumlah 94 aduan telah diterima dan semua aduan tersebut telah dipanjangkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	100%
16	Mengemukakan penemuan audit/ Laporan yang seimbang dan bebas kepada Jawatankuasa Audit pada setiap suku tahun.	Laporan penemuan audit telah disiapkan dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 2 Tahun 2015 pada bulan Julai 2015.	100%